

AKKM : (S) 2/3/7 SJ 5 Jld 5 (84)

8 April 2020

**Semua Warga Kerja ANGKASA**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

**PEKELILING BIL 8/2020**

**MORATORIUM AUTOMATIK SELAMA 6 BULAN**

Pengumuman Bank Negara pada 24 Mac 2020 berkaitan moratorium automatik selama 6 bulan bagi pinjaman bank adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, ANGKASA akan **menangguhkan** semua bayaran balik pinjaman bank oleh kakitangan melalui potongan gaji mulai **1 April 2020** selama 6 bulan. Langkah ini adalah untuk mengurangkan bebanan kakitangan berikutan impak wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan. Walau bagaimanapun, bagi kakitangan yang ingin meneruskan potongan gaji, hendaklah menghubungi bank yang berkaitan dan memaklumkan kepada BPSM dengan segera.

3. Bagi bayaran balik melalui potongan gaji kepada **Koperasi / Organisasi Pemberi Pinjaman** yang tidak termasuk dibawah arahan BNM, kakitangan hendaklah mendapatkan surat kebenaran penangguhan bayaran balik pinjaman daripada koperasi dan organisasi pemberi pinjaman tersebut.


4. Surat kebenaran penangguhan bayaran balik kepada koperasi dan permohonan untuk meneruskan potongan gaji hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Pembangunan Sumber Manusia** melalui emel [shima.angkasa@gmail.com](mailto:shima.angkasa@gmail.com) / [salawati.angkasa@gmail.com](mailto:salawati.angkasa@gmail.com) **selewat-lewatnya 18 April 2020** untuk tindakan selanjutnya.

5. Bagi potongan gaji selain daripada yang dinyatakan seperti di atas akan diteruskan seperti biasa.

Sekian dimaklumkan.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,



**HAJI NASIR KHAN YAHAYA**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
ANGKASA

HARAR/SZAB/Nmy/Pekeliling

